

# MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

2 JAM 30 MINIT

ARAHAN :

1. Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.
2. Tulis nombor kad pengenalan, angka giliran, nama, tingkatan anda pada petak yang disediakan.
3. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas peperiksaan ini. Calon ada pilihan sama ada mencantumkan buku jawapan bersama-sama kertas peperiksaan ini dengan menggunakan stapler atau menebuk lubang kemudian ikat dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

1249/2

**SEJARAH**  
Kertas 2

Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

NO. KAD PENGENALAN

						-			-				
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA : .....

TINGKATAN : .....

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

[ Lihat halaman sebelah

1249/2

**Bahagian A**

[40 markah]

*Jawab semua soalan.*

1 Perkembangan nasionalisme di Barat telah mencetuskan Revolusi Amerika dan Revolusi Perancis.

(a) Jelaskan faktor kemunculan Revolusi Amerika pada tahun 1776.

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(b) Mengapakah berlakunya Revolusi Perancis pada tahun 1789?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(c) Jelaskan iktibar yang dapat diperoleh daripada perkembangan idea nasionalisme di Barat.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

2 Perang Dunia Kedua (1939-1945) berlaku di Eropah dan Asia Pasifik yang melibatkan Kuasa Paksi dan Kuasa Bersekutu.

(a) Nyatakan faktor-faktor berlakunya Perang Dunia Kedua di Eropah.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Mengapakah pihak Bersekutu mencapai kemenangan dalam perang tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Petikan berikut berkaitan Perang Dunia Kedua.

3 September ini menandakan ulang tahun ke-76 tamatnya Perang Dunia Kedua. Ketika kita memperingati kejayaan pihak Berikat menghancurkan kuasa Paksi, kita juga turut sama berkongsi rasa dukacita yang mendalam disebabkan hampir setiap negara di dunia merasai derita hari-hari perang berkenaan.

Sumber : <https://www.astroawani.com>

Jelaskan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3 Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi dan panduan dalam sistem pemerintahan negara. Perlembagaan mempunyai dua ciri utama, iaitu tradisional dan moden.

(a) Nyatakan ciri-ciri tradisional yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Berikut ialah prinsip ketiga Rukun Negara kita.

Keluhuran Perlembagaan

Mengapakah prinsip tersebut dijadikan prinsip Rukun Negara?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

4. Dasar Kebudayaan Kebangsaan dijemakan melalui program Citrawarna Malaysia melibatkan pelbagai kaum dan budaya.

(a) Nyatakan prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Apakah matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

.....

.....

.....

[2 markah]

(c) Jelaskan langkah mencapai matlamat di 4(b).

.....

.....

.....

[2 markah]

(d) Petikan berikut berkaitan Kongres Kebudayaan Kebangsaan.

“Kita mesti menggubal satu identiti bangsa Malaysia dengan mengambil kira semua kaum dan agama. Saya menegaskan bahawa sudah sampai ketikanya bagi kita menentukan identiti atau keperibadian kebangsaan sebagai satu bangsa yang mempunyai maruah dan martabat seperti bangsa-bangsa lain yang merdeka dan berdaulat di dunia ini.”

Petikan ucapan Tun Abdul Razak Hussein ketika merasmikan Kongres Kebudayaan Kebangsaan.

Sumber: *Abdul Latif Abu Bakar, 1987.*  
*Kebudayaan Kebangsaan dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia.*  
*Kuala Lumpur: Biro Pendidikan UMNO Malaysia.*

Huraikan petikan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

**Bahagian B**

[60 markah]

*Jawab tiga soalan sahaja.*

5 Penyebaran ideologi komunis dari China dan Indonesia menyebabkan penduduk terpengaruh dengan fahaman komunis.

(a) Bagaimanakah Parti Komunis Malaya (PKM) meluaskan kuasa di Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun? [4 markah]

(b) Zaman darurat telah meninggalkan pelbagai kesan dari segi politik. Terangkan pernyataan tersebut. [8 markah]

(c) Gambar berikut berkaitan keganasan komunis di Tanah Melayu.



Berdasarkan gambar di atas, jelaskan kewajaran rakyat Malaysia menolak ideologi komunis. [8 markah]



- 6 Sistem Ahli dilaksanakan oleh British di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.
- (a) Jelaskan latar belakang pembentukan Sistem Ahli. [6 markah]
- (b) Sistem Ahli memberi ruang dan peluang kepada Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri.
- (i) Terangkan ciri-ciri Sistem Ahli. [3 markah]
- (ii) Terangkan kepentingan Sistem Ahli kepada Tanah Melayu. [3 markah]
- (c) Petikan berikut berkaitan sistem pentadbiran negara.

Proses demokrasi di negara ini sudah lengkap apabila Malaysia memiliki Perdana Menteri dan Kabinet yang lengkap.

Cabaran awal yang tidak boleh dipinggirkan adalah menjawab beberapa kritikan 'pedas' yang dilemparkan oleh pelbagai pihak.

Cabaran yang lebih penting adalah ekonomi di mana rakyat digalakkan berjimat cermat dan tidak berbelanja lebih daripada biasa.

Cabaran yang perlu diberikan perhatian juga ialah aspek sosial, iaitu pengukuhan perpaduan dan pemupukan semangat kebersamaan rakyat perlu ditangani sebaik mungkin.

Kejayaan mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial dalam negara ini sudah pasti akan membantu dalam menaikkan kembali imej serta martabat negara di mata dunia, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara yang dihormati.

Sumber diubah suai daripada:

<https://www.bharian.com.my>, 5 Disember 2022

Ulaskan petikan tersebut

[8 markah]

**7** Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri penting untuk memastikan segala usaha pembangunan dapat memberikan manfaat kepada rakyat.

**(a)** Jelaskan kerjasama pembangunan dari aspek sosioekonomi.

[6 markah]

**(b)** Bagaimanakah sistem Persekutuan di negara kita diperkukuhkan?

[6 markah]

**(c)** Konsep pembahagian kuasa yang diamalkan di negara ini membawa manfaat kepada negara Malaysia.

Terangkan pernyataan tersebut.

[8 markah]

8 Usul pembentukan Malaysia yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 16 Oktober 1961 mendapat sokongan majoriti rakyat. Sehubungan dengan itu, pelbagai langkah diambil untuk merealisasikan pembentukan Malaysia.

(a) Terangkan siri lawatan pemimpin negara dalam usaha membentuk Persekutuan Malaysia.  
[4 markah]

(b) Jelaskan tentang jawatankuasa berikut:

(i) Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM).

[4 markah]

(ii) Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK).

[4 markah]

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Kekuatan utama Malaysia sejak merdeka ialah kestabilan politik yang telah membolehkan negara ini mencapai kejayaan yang membanggakan dalam pelbagai bidang. Untuk memastikan Malaysia terus mencatatkan kejayaan, kita memerlukan keamanan dan kestabilan politik.

Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar untuk menjadi sebuah negara maju.

Kita mempunyai pelbagai sumber dan modal insan yang berkualiti. Salah satu prasyarat untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi ialah pelaburan dalam dan luar negeri. Pelaburan adalah di antara pemangkin kepada pemulihan ekonomi yang dapat menyediakan peluang pekerjaan, menjana pendapatan dan meningkatkan eksport. Iklim pelaburan yang kukuh serta kestabilan politik akan memastikan Malaysia dapat terus menarik pelaburan dari dalam dan luar negara.

Sumber diubah suai daripada:  
*petikan ucapan Dato Sri Mustapa Mohamed, 5 Ogos 2021*

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan langkah-langkah untuk mencapai sebuah negara maju.

[8 markah]

9 Malaysia mengukuhkan hubungan diplomatik melalui dasar luar dan pertubuhan antarabangsa yang dianggotai.

(a) Jelaskan pelibatan Malaysia dalam Komanwel.

[4 markah]

(b) Terangkan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia untuk mengukuhkan dasar luar dan langkah yang diambil bagi menghadapi cabaran tersebut.

[8 markah]

(c) Baca pernyataan di bawah dengan teliti.

Hubungan baik antara Malaysia dengan negara serantau mampu membangunkan negara. Sikap prihatin negara kita terhadap isu yang berlaku pada peringkat serantau dan antarabangsa membuka mata negara lain untuk menghulurkan bantuan. Pelibatan ini menonjolkan kewibawaan negara pada peringkat dunia selain lantang menyuarakan pandangan dalam pelbagai isu.

Jelaskan mesej yang terkandung dalam pernyataan di atas.

[8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**